

SEBELUM ini mereka sama-sama membentuk pakatan bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 2018. Matlamatnya untuk menjatuhkan Barisan Nasional (BN).

Pakatan pembangkang ketika itu dikenali sebagai Pakatan Harapan (PH) dikatakan sudah cukup lengkap.

Ia dikatakan menghimpunkan kepimpinan politik di luar kerajaan yang terbaik. Kepimpinan yang cukup terkenal bukan sahaja dalam arena politik tanah air, tetapi juga di dunia.

Siapa yang tidak kenal Tun Dr. Mahathir Mohamad, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Lim Kit Siang, Lim Guan Eng, Mohamad Sabu dan Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal.

Ini adalah handal-handalan politik yang mewarnai negara sejak sekian lama. Ada antaranya adalah musuh sepanjang zaman, tetapi kerana mahu menamatkan dominasi BN dan UMNO dalam politik tanah air, mereka bergabung.

Gabungan mereka mendapat restu dan diyakini rakyat. Sebab itu kalau kita lihat pada PRU14, jumlah yang keluar mengundi cukup luar biasa. Pengundi berdaftar dari seluruh pelosok dunia pulang untuk memilih kerajaan. Majoritinya pulang untuk menubuhkan kerajaan BN.

Kenapa pengundi berbuat demikian? Kerana mereka yakin dengan PH dan bosan dengan kepimpinan BN yang dibadai dengan pelbagai skandal, penyelewengan, kronisme dan sebagainya terutama 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Hasil daripada kekuatan gabungan dalam PH dan disokong oleh kehendak rakyat yang mahu melihat perubahan dalam kerajaan didukung oleh slogan 'ini kali lah' maka BN tumbang.

Seperti yang dimahukan rakyat PH membentuk kerajaan. Dr. Mahathir sekali lagi diangkat menjadi perdana menteri pada usia 95 tahun. Buat pertama kali dalam sejarah negara kita menyaksikan seorang wanita iaitu Datuk Seri Dr. Wan Azizah Ismail diangkat sebagai timbalan perdana menteri.

Tetapi sejarah itu tidak berpanjangan. Impian rakyat untuk melihat sebuah kerajaan yang bebas daripada kemaruk kuasa dan kepentingan peribadi selepas BN tumbang tidak menjadi



DR. MAHATHIR Mohamad pada sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 18 Mac lalu. - MINGGUAN/ FAISOL MUSTAFA

Dr. Mahathir laku keras

kenyataan.

Bak kata pepatah barat *power will attract the worst... and corrupt the best.* Kuasa akan menarik yang paling teruk dan merosakkan yang terbaik.

Itu yang berlaku kepada PH apabila kuasa berada dalam genggamannya mereka. Satu pihak merasakan kuasa yang ada itu tidak mencukupi hingga perlu menyingkirkan rakan lain dalam gabungan.

Wartawan dan pengkritik politik, P.J O'Rourke pernah menulis bahawa walaupun anda berjaya membina satu kuasa politik, ia tidak bermakna anda akan dapat mengetuainya hingga ke akhir.

Itu yang berlaku kepada Dr. Mahathir ketika beliau mengetuai PH untuk menubuhkan BN. Sebaik sahaja pemimpin PH melihat BN tumbang, dan melihat para pemimpin BN mula bertempiran ke sana-sini, mereka mula melihat peluang untuk berada di tampuk kuasa.

Janji dua tahun untuk menyerahkan kuasa kepada Anwar juga dimanipulasi dengan pelbagai alasan.

Maka ramailah yang mula mengatur langkah. Sudah tentu yang paling hebat adalah Langkah Sheraton menyaksikan Datuk Seri

Pada usia hampir mencecah 100 tahun, Dr. Mahathir tetap laku keras untuk mengetuai pakatan pembangkang jika mereka mahu menewaskan BN/UMNO pada PRU15."

Azmin Ali menikam Anwar yang merupakan bosnya sejak sekian lama dari belakang.

Muhyiddin pula dilihat menggulingkan Dr. Mahathir dalam Bersatu lalu mengisytihar keluar dari PH. Tidak sampai dua tahun, kerajaan PH yang dipilih rakyat oleh rakyat tumbang. Aspirasi rakyat diketepikan begitu sahaja oleh mereka yang mabuk kuasa. Hasrat pengundi mahu melihat kerajaan selain BN memerintah tidak tahan lama. Semuanya gara-gara para pemimpin gila kuasa dan menggunakan mandat rakyat untuk kepentingan peribadi.

Lebih mengguris perasaan

para penyokong PH ialah, pemimpin yang mereka angkat pada PRU14 untuk menerajui negara iaitu Muhyiddin dan Azmin menyingkirkan Mahathir, Anwar, Kit Siang, Guan Eng dan Mat Sabu untuk berpakat dengan pemimpin UMNO yang pada pilihan raya 2018 itu sudah diketepikan oleh rakyat.

Sebab itu muncul pelbagai istilah seperti kerajaan pengkhianat, kerajaan pintu belakang dan sebagainya. Tetapi ada pemimpin ini peduli? Yang penting mereka berkuasa, membentuk kerajaan dan menjadi perdana menteri. Alasan yang diberikan mereka untuk menjustifikasikan perbuatan jelek itu cukup murni - demi rakyat, semata-mata untuk kepentingan rakyat, langsung tidak ada kepentingan peribadi.

Selepas 18 bulan apa yang terjadi kepada Perikatan Nasional (PN)? Kalau sebelum ini Muhyiddin dilihat 'mainkan' Dr. Mahathir, tetapi pada Mac 2021 Muhyiddin pula kena 'main' dengan UMNO.

Kini, Pilihan Raya Umum Ke-15 sudah semakin hampir. BN/UMNO dilihat bertambah kukuh jika berdasarkan tiga pilihan raya negeri (PRN) iaitu Sarawak, Melaka dan Johor.

Parti-parti lain sama ada PKR, DAP, Bersatu, Pas, Pejuang dan Amanah tidak akan dapat mengalahkan BN/UMNO jika mereka tidak bersatu.

Pada hal, ketika menghadapi PRU14 mereka ini (kecuali Pas) sudah pun berganding bahu dan sudah pun berjaya menewaskan BN/UMNO.

Selepas itu mereka berperang sesama sendiri hingga membuka ruang untuk BN/UMNO kembali ke dalam kerajaan. Kini apabila keadaan terdesak Muhyiddin mahu bersatu semula dengan Mahathir untuk berhadapan dengan BN/UMNO.

Dan sekali Dr. Mahathir dilihat sebagai tokoh yang mampu melakukan perkara itu.

Walaupun Ahli Parlimen Langkawi itu sudah mengisytiharkan tidak akan bertanding pada PRU15, nampaknya kumpulan pembangkang tidak ada tokoh lain yang mampu mengetuai jentera mereka untuk menggempur BN/UMNO.

Muhyiddin sudah pun mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir. Dan Dr. Mahathir secara terbuka mendedahkan bahawa Ahli Parlimen Pagoh itu meminta sokongan untuk kembali menjadi perdana menteri.

Selepas Muhyiddin, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang juga mahu berjumpa dengan Dr. Mahathir.

Nampaknya pada usia hampir mencecah 100 tahun, Dr. Mahathir tetap laku keras untuk mengetuai pakatan pembangkang jika mereka mahu menewaskan BN/UMNO pada PRU15.

Demi untuk kembali mendapat kuasa dalam politik ada yang sanggup menjilat semula ludah sendiri.

Tidak ada istilah malu dalam politik. Yang ada hanyalah kepentingan untuk berkuasa. Hendak dikatakan mereka berbuat demikian atas kepentingan rakyat pun tidak juga. Kerana sudah jelas pada PRU14 rakyat pilih mereka untuk jadi kerajaan. Tetapi mereka khianati mandat dan amanah rakyat itu.

Kerana itu kerajaan PN ketulahan dan hanya mampu bertahan 18 bulan. Kini mereka kembali menagih cinta lama dengan Dr. Mahathir dengan harapan sekali lagi dapat 'berkahwin' pada PRU15.

AZMAN Bakar ialah Pengarang *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia*.